

No. Pendaftaran : PPM-020-14-24031980

**PERSATUAN WANITA BUMIPUTRA DALAM
PERNIAGAAN DAN PROFESYEN MALAYSIA
(PENIAGAWATI)**

(Ditubuhkan di bawah Seksyen 7 Akta Pertubuhan 1966)

**LAPORAN DAN PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2021**

ZURIN & CO. (AF 002192)
Akauntan Bertauliah (Malaysia)

No. Pendaftaran : PPM-020-14-24031980

**PERSATUAN WANITA BUMIPUTRA DALAM PERNIAGAAN DAN PROFESYEN
MALAYSIA (PENIAGAWATI)**

(Ditubuhkan di bawah Seksyen 7 Akta Pertubuhan 1966)

KANDUNGAN

MUKASURAT

INFORMASI KORPORAT	1
LAPORAN AHLI JAWATANKUASA INDUK	2
PENYATA JURUAUDIT	3-6
PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN	7
PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF	8
PENYATA ALIRAN TUNAI	9
NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN	10-20

No. Pendaftaran : PPM-020-14-24031980

**PERSATUAN WANITA BUMIPUTRA DALAM PERNIAGAAN DAN PROFESYEN
MALAYSIA (PENIAGAWATI)**

(Ditubuhkan di bawah Seksyen 7 Akta Pertubuhan 1966)

INFORMASI KORPORAT

PRESIDEN

Dato' Azlin binti Ahmad Shaharbi

TIMBALAN PRESIDEN 1

Datin Dr Hasnorliza binti Abu Hassan (2018- 30 Julai 2021)

TIMBALAN PRESIDEN 2

Che' Puan Datin Mimi Wahedah binti Yusop (2018 - 30 Julai 2021)

SETIAUSAHA KEHORMAT

Dato' Emmy Suraya binti Hussein

PENOLONG SETIAUSAHA KEHORMAT

Puan Selinastein binti Mohd Rashid

BENDAHARI KEHORMAT

Puan Hasnida binti Abdul Hamid (02 August 2021 – Kini)

Cik Junaidah binti Ishak (1 Januari 2019 – 30 Julai 2021)

PENOLONG BENDAHARI KEHORMAT

Intan Farhana binti Husin (24 April 2021 – 30 Julai 2021)

AHLI JAWATANKUASA

Puan Norazizah Ruslan

Puan Ida Maslina

Puan Ili Zawani Ismail

Puan Emma Khalid

BANK UTAMA

CIMB Islamic Bank Berhad

Affin Islamic Bank Berhad

AUDITOR

ZURIN & CO. (AF-002192)

Akauntan Bertauliah (M)

Lot 22-ACD, Level 5

Menara Pandan B, Persiaran MPAJ

Jalan Pandan Utama, Pandan Indah

55100 Kuala Lumpur

ALAMAT SURAT MENYURAT

NW-03A-26, Nova Square

Jalan Teknologi, PJU 5

47810 Kota Damansara, Petaling Jaya

Selangor Darul Ehsan

**PERSATUAN WANITA BUMIPUTRA DALAM PERNIAGAAN DAN PROFESYEN
MALAYSIA (PENIAGAWATI)**


(Ditubuhkan di bawah Seksyen 7 Akta Pertubuhan 1966)

LAPORAN AHLI JAWATANKUASA INDUK


Ahli Jawatankuasa Induk dengan sukacitanya membentangkan Laporan Tahunan Persatuan dan Penyata Kewangan Persatuan yang telah diaudit bagi tahun berakhir 31 Disember 2021. Sesuai dengan kehendak-kehendak Akta Pertubuhan, kami bagi pihak Jawatankuasa Induk melaporkan bahawa:

1. Operasi Persatuan untuk tahun berakhir 31 Disember 2021 telah dipengaruhi oleh Pandemik Koronavirus (COVID-19) seperti yang dinyatakan dalam Nota 14.
2. Tiada hal-hal berbangkit yang menjadikan cara menilai aset-aset dan tanggungan-tanggungan Persatuan yang digunakan sekarang mengelirukan atau tidak sesuai.
3. Dalam jangka masa yang diliputi oleh akaun penerimaan dan pembayaran, tiada tanggungan luar jangka yang diakujangi oleh Persatuan yang belum diselesaikan.
4. Jumlah aset semasa dan tanggungan yang ditunjukkan di Lembaran Imbangan adalah munasabah.

Kami bagi pihak Persatuan mengaku bahawa selain daripada perkara-perkara tersebut di atas, tiada lain-lain perkara di dalam pengetahuan kami yang tidak dinyatakan seperti yang dikehendaki oleh Akta Pertubuhan 1966.



DATO' AZLIN BINTI AHMAD SHAHARBI
Presiden



DATO' EMMY SURAYA BINTI HUSSEIN
Setiausaha Kehormat



PUAN HASNIDA BINTI ABDUL HAMID
Bendahari Kehormat

Selangor

Bertarikh: 01 November 2022



**LAPORAN JURUAUDIT MENGENAI PENYATA KEWANGAN
PERSATUAN WANITA BUMIPUTRA DALAM PERNIAGAAN DAN PROFESYEN
MALAYSIA (PENIAGAWATI)**

No. Pendaftaran: PPM-020-14-24031980

(Ditubuhkan di bawah Seksyen 7 Akta Pertubuhan 1966)

Laporan mengenai Penyata Kewangan

Pendapat Bersyarat

Kami telah mengaudit penyata kewangan PERSATUAN WANITA BUMIPUTRA DALAM PERNIAGAAN DAN PROFESYEN MALAYSIA (PENIAGAWATI), yang merangkumi penyata kedudukan kewangan pada 31 Disember 2021, penyata pendapatan komprehensif dan penyata aliran tunai bagi tahun kewangan berakhir pada tarikh tersebut dan ringkasan dasar-dasar perakaunan penting dan lain-lain nota kepada penyata kewangan keterangan seperti yang terdapat pada halaman yang disediakan.

Pada pendapat kami, selain daripada perkara-perkara yang dinyatakan dalam *Asas Bagi Pendapat Bersyarat*, penyata kewangan telah disediakan dengan wajarnya menurut Piawaian Laporan Entiti Persendirian Malaysia (MPERS) dan peruntukan Akta Pertubuhan, 1966 di Malaysia dan memberi gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Persatuan pada 31 Disember 2021 dan prestasi kewangan serta aliran tunai Persatuan bagi tahun kewangan berakhir pada tarikh tersebut.

Asas bagi Pendapat Bersyarat

Kami ingin menarik perhatian terhadap nilai inventori di dalam penyata kewangan berakhir pada 31 Disember 2021 yang berjumlah RM9,857. Kami tidak dapat memuaskan hati samada nilai akhir inventori tersebut dinyatakan benar dan saksama kerana tiada pengiraan inventori secara fizikal dilaksanakan dan tiada senarai inventori yang disediakan oleh pihak Persatuan. Selain itu, kami dapati kos jualan tidak direkodkan berdasarkan kepada piawaian pengauditan yang diluluskan. Akibat daripada perkara ini, kami tidak dapat menentukan samada sebarang pelarasan diperlukan berhubung dengan inventori dan kos jualan yang direkodkan dan yang tidak direkodkan.

Kami telah menjalankan audit kami berdasarkan kepada piawaian-piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa. Tanggungjawab kami dibawah piawaian-piawaian tersebut telah diterangkan dengan lebih lanjut di dalam seksyen *Tanggungjawab Juruaudit ke atas Pengauditan Penyata Kewangan* dari laporan kami. Kami percaya bahawa bukti audit yang kami perolehi adalah mencukupi dan sesuai bagi memberikan asas terhadap penyata audit kami.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Kami adalah bebas daripada Persatuan mengikut *Undang-Undang Kecil (Etika Profesional, Kelakuan dan Amalan)* dari Institut Akauntan Malaysia ("Undang-Undang Kecil") dan *Lembaga Piawaian Etika Antarabangsa untuk Kod Etika Akauntan* untuk Akauntan Profesional ("Kod IESBA"), dan kami telah memenuhi tanggungjawab etika yang lain mengikut Undang-Undang Kecil dan Kod IESBA tersebut.





**LAPORAN JURUAUDIT MENGENAI PENYATA KEWANGAN
PERSATUAN WANITA BUMIPUTRA DALAM PERNIAGAAN DAN PROFESYEN
MALAYSIA (PENIAGAWATI)**

No. Pendaftaran: PPM-020-14-24031980

(Ditubuhkan di bawah Seksyen 7 Akta Pertubuhan 1966)

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit Ke Atasnya

Ahli Jawatankuasa Persatuan adalah bertanggungjawab terhadap lain-lain maklumat. Lain-lain maklumat mengandungi Laporan Ahli Jawatankuasa Induk tetapi tidak termasuk penyata kewangan Persatuan dan laporan juruaudit kami ke atasnya.

Pendapat kami ke atas penyata kewangan Persatuan tidak meliputi Laporan Ahli Jawatankuasa Induk tersebut dan kami tidak memberikan sebarang bentuk kesimpulan jaminan ke atasnya.

Berhubung dengan audit kami ke atas penyata kewangan Persatuan, tanggungjawab kami ialah untuk membaca Laporan Ahli Jawatankuasa Induk tersebut, di dalam melakukannya, mempertimbangkan sama ada Laporan Ahli Jawatankuasa Induk tersebut tidak konsisten secara material dengan penyata kewangan Persatuan atau pengetahuan kami untuk diperolehi semasa audit ini atau sebaliknya kelihatan telah disalahnyatakan secara material.

Jika, berdasarkan kepada kerja yang telah kami jalankan, kami mendapati bahawa terdapatnya salahnyata yang material di dalam Laporan Ahli Jawatankuasa Induk, kami dikehendaki untuk melaporkan fakta tersebut. Seperti yang dinyatakan di dalam *Asas bagi Pendapat Bersyarat* di atas, nilai kos jualan tidak direkodkan berdasarkan piawaian pengauditan yang diluluskan dan inventori bernilai RM9,857 tiada kiraan inventori fizikal telah dihadiri untuk mengesahkan baki inventori yang didedahkan dan dokumen sokongan yang diperlukan. Sehubungan itu, kami tidak dapat menyimpulkan sama ada laporan Persatuan adalah salah nyata secara material berkenaan dengan perkara ini atau tidak. Kami tidak ada apa untuk dilaporkan berkaitan dengan perkara ini.

Tanggungjawab Ahli Jawatankuasa Terhadap Penyata Kewangan

Ahli Jawatankuasa Persatuan adalah bertanggungjawab terhadap penyediaan penyata kewangan Persatuan yang memberikan gambaran yang benar dan saksama menurut Piawaian Laporan Entiti Persendirian Malaysia (MPERS) dan kehendak-kehendak Akta Pertubuhan, 1966 di Malaysia. Ahli Jawatankuasa Persatuan juga bertanggungjawab ke atas kawalan dalaman sepertimana yang ditentukan oleh Ahli Jawatankuasa Persatuan perlu bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan Persatuan yang bebas daripada salahnyata yang material, sama ada disebabkan oleh penyelewengan atau kesilapan.

Di dalam menyediakan penyata kewangan Persatuan, Ahli Jawatankuasa Persatuan adalah bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Persatuan untuk meneruskan sebagai satu usaha berterusan, mendedahkan, jika berkenaan, perkara-perkara yang berkaitan dengan usaha berterusan dan menggunakan asas perakaunan usaha berterusan melainkan Ahli Jawatankuasa Persatuan berhasrat sama ada untuk membubarkan Persatuan atau untuk menghentikan operasi, atau tidak mempunyai alternatif yang realistik untuk berbuat demikian.





**LAPORAN JURUAUDIT MENGENAI PENYATA KEWANGAN
PERSATUAN WANITA BUMIPUTRA DALAM PERNIAGAAN DAN PROFESYEN
MALAYSIA (PENIAGAWATI)**

No. Pendaftaran: PPM-020-14-24031980

(Ditubuhkan di bawah Seksyen 7 Akta Pertubuhan 1966)

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif kami adalah untuk memperolehi keyakinan yang munasabah tentang sama ada penyata kewangan Persatuan secara keseluruhannya bebas dari salahnyata yang material, sama ada disebabkan oleh penyelewengan atau kesilapan, dan untuk mengeluarkan satu laporan juruaudit yang mengandungi pendapat kami. Keyakinan yang munasabah adalah satu tahap keyakinan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa pengauditan yang telah dilaksanakan berdasarkan kepada piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa akan sentiasa dapat mengesan salahnyata yang material apabila ianya wujud. Salahnyata boleh wujud dari penyelewengan atau kesilapan dan yang dianggap material jika, secara individu atau secara agregat, ianya dijangka secara munasabah dapat mempengaruhi keputusan ekonomik para pengguna berpandukan kepada asas penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada audit berdasarkan kepada piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa, kami menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang audit ini, kami juga:

- Mengenalpasti dan menilai risiko salahnyata yang material di dalam penyata kewangan Persatuan, sama ada disebabkan oleh penyelewengan atau kesilapan, mereka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko-risiko tersebut, dan untuk mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian bagi menjadikan satu asas kepada pendapat kami. Risiko bagi tidak mengesan salahnyata yang material yang terhasil dari penyelewengan adalah lebih tinggi berbanding dari yang terhasil dari kesilapan, kerana penyelewengan mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, peninggalan yang disengajakan, salah perwakilan, atau pelanggaran kawalan dalaman.
- Mendapatkan pemahaman tentang kawalan dalaman yang berkaitan dengan audit bagi mereka prosedur audit yang bersesuaian di dalam situasi terbabit, tetapi tidak untuk tujuan memberikan satu pendapat ke atas keberkesanan kawalan dalaman Persatuan.
- Menilai kesesuaian polisi-polisi perakaunan yang digunakan dan kemunasabahan anggaran-anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Ahli Jawatankuasa Persatuan.





**LAPORAN JURUAUDIT MENGENAI PENYATA KEWANGAN
PERSATUAN WANITA BUMIPUTRA DALAM PERNIAGAAN DAN PROFESYEN
MALAYSIA (PENIAGAWATI)**

No. Pendaftaran: PPM-020-14-24031980

(Ditubuhkan di bawah Seksyen 7 Akta Pertubuhan 1966)

Tanggungjawab Juruaudit Bagi Pengauditan Penyata Kewangan (sambungan)

- Membuat kesimpulan mengenai kesesuaian asas perakaunan usaha berterusan yang digunakan oleh pihak pengurusan dan, berdasarkan kepada bukti audit yang diperolehi, sama ada ketidakpastian yang ketara wujud berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin memberikan keraguan yang ketara ke atas keupayaan Persatuan untuk meneruskan sebagai satu usaha berterusan. Jika kami menyimpulkan bahawa ketidakpastian yang ketara telah wujud, kami dikehendaki untuk menarik perhatian di dalam laporan juruaudit kami kepada pendedahan yang berkaitan di dalam penyata kewangan Persatuan atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, untuk mengubah pendapat kami. Kesimpulan kami adalah berdasarkan kepada bukti audit yang diperolehi sehingga ke tarikh laporan juruaudit kami. Walau bagaimanapun, peristiwa-peristiwa atau keadaan di masa hadapan mungkin menyebabkan Persatuan berhenti dari meneruskan sebagai satu usaha berterusan.
- Menilai secara keseluruhan persembahan, struktur dan kandungan penyata kewangan Persatuan, termasuklah pendedahan, dan sama ada penyata kewangan mewakili transaksi-transaksi yang berkaitan dan peristiwa-peristiwa di dalam bentuk yang membolehkan persembahan saksama.

Kami berhubung dengan ahli Jawatankuasa berkaitan, antara hal lain, skop dan tempoh masa yang telah dirancang bagi audit ini dan penemuan-penemuan audit yang ketara, termasuklah sebarang kelemahan yang ketara di dalam kawalan dalaman yang dikenalpasti semasa audit kami.

Hal-hal lain

Laporan ini dibuat semata-mata kepada ahli-ahli Persatuan, sebagai satu badan, mengikut Akta Pertubuhan, 1966 di Malaysia dan bukan untuk lain-lain tujuan. Kami tidak memikul tanggungjawab kepada lain-lain pihak terhadap kandungan laporan ini.



ZURIN & CO.
[AF 002192]
Akauntan Bertauliah



WAN ZURINA BINTI WAN ABDULLAH
[(02959/05/2024(J))]
Rakan kongsi firma
Akauntan Bertauliah (M)

Kuala Lumpur,
Tarikh: 01 November 2022



**PERSATUAN WANITA BUMIPUTRA DALAM PERNIAGAAN DAN PROFESYEN
MALAYSIA (PENIAGAWATI)**

(Ditubuhkan di bawah Seksyen 7 Akta Pertubuhan 1966)

**PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN
PADA 31 DISEMBER 2021**

	Nota	2021 RM	2020 RM
ASET BUKAN SEMASA			
Hartanah, loji dan peralatan	3	953	1,841
		<u>953</u>	<u>1,841</u>
ASET SEMASA			
Inventori	4	9,857	10,658
Lain-lain penghutang, deposit dan prabayar	5	31,446	47,784
Simpanan tetap	6	90,404	121,968
Tunai di tangan dan di bank	7	29,361	22,736
		<u>161,068</u>	<u>203,146</u>
JUMLAH ASET		<u>162,021</u>	<u>204,987</u>
DANA DAN TABUNGAN			
Baki awal tahun	8	112,277	161,930
Kerugian tahun semasa		(47,442)	(49,653)
		<u>64,835</u>	<u>112,277</u>
Tabung anak angkat Peniagawati	9	91,286	89,710
JUMLAH DANA DAN TABUNGAN		<u>156,121</u>	<u>201,987</u>
LIABILITI SEMASA			
Lain-lain pemiutang dan akruan	10	5,900	3,000
JUMLAH LIABILITI		<u>5,900</u>	<u>3,000</u>
JUMLAH DANA DAN TABUNGAN DAN LIABILITI		<u>162,021</u>	<u>204,987</u>

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian asasi penyata ini

No. Pendaftaran : PPM-020-14-24031980

**PERSATUAN WANITA BUMIPUTRA DALAM PERNIAGAAN DAN PROFESYEN
MALAYSIA (PENIAGAWATI)**

(Ditubuhkan di bawah Seksyen 7 Akta Pertubuhan 1966)

**PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021**

	Nota	2021 RM	2020 RM
Pendapatan	11	33,799	28,608
Tolak : Kos Jualan	Lamp. 1	<u>(5,916)</u>	<u>(18,443)</u>
Keuntungan kasar		27,883	10,165
 Tambah : Lain-lain penerimaan	12	412	7,111
 Tolak : Perbelanjaan operasi			
Kos pentadbiran	Lamp. 2	(48,528)	(38,761)
Kos pekerja	Lamp. 2	<u>(27,209)</u>	<u>(28,168)</u>
Jumlah kerugian bersih tahun semasa		<u>(47,442)</u>	<u>(49,653)</u>

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian asasi penyata ini.

**PERSATUAN WANITA BUMIPUTRA DALAM PERNIAGAAN DAN PROFESYEN
MALAYSIA (PENIAGAWATI)**

(Ditubuhkan di bawah Seksyen 7 Akta Pertubuhan 1966)

**PENYATA ALIRAN TUNAI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021**

	Nota	2021 RM	2020 RM
ALIRAN TUNAI DARIPADA KEGIATAN KENDALIAN			
Kerugian tahun semasa		(47,442)	(49,653)
Pelarasan untuk :			
Tabung anak angkat peniagawati		1,576	1,817
Susutnilai hartanah, loji dan peralatan		888	888
Rugi atas pelupusan aset		-	4
Kerugian kendalian sebelum perubahan dalam modal kerja		(44,978)	(46,944)
Perubahan dalam modal kerja:			
Perubahan dalam inventori		801	(7,033)
Perubahan dalam pelbagai penghutang, deposit dan prabayar		16,338	8,900
Perubahan dalam pelbagai pemiutang dan akruan		2,900	(48)
Tunai bersih digunakan dalam kegiatan kendalian		(24,939)	(45,125)
Kurangan bersih dalam tunai dan kesetaraan tunai		(24,939)	(45,125)
Tunai dan kesetaraan tunai awal tahun		144,704	189,829
Tunai dan kesetaraan tunai akhir tahun		119,765	144,704
Tunai dan kesetaraan tunai merangkumi :			
Simpanan tetap	6	90,404	121,968
Tunai di tangan dan di bank	7	29,361	22,736
		119,765	144,704

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian asasi penyata ini

**PERSATUAN WANITA BUMIPUTRA DALAM PERNIAGAAN DAN PROFESYEN
MALAYSIA (PENIAGAWATI)**

(Ditubuhkan di bawah Seksyen 7 Akta Pertubuhan 1966)

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021**

1. KEGIATAN UTAMA

Kegiatan utama Persatuan adalah untuk membela kebajikan ahli-ahli serta membangunkan taraf kerjaya mereka dengan mengadakan seminar dan bengkel-bengkel motivasi agar setaraf dengan lain-lain bidang profesional serta bekerjasama dengan Kerajaan–kerajaan Negeri dan badan-badan awam dalam menjayakan Dasar Ekonomi Baru.

2. DASAR PENTING PERAKAUNAN

Penyata kewangan Persatuan telah disediakan menggunakan asas kos (termasuk kos sejarah, kos pelunasan dan terendah antara kos dan nilai boleh pulih) dan nilai saksama mengikut kehendak Piawaian Laporan Entiti Persendirian Malaysia (MPERS) yang telah diterbitkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia serta Akta Persatuan, 1966 di Malaysia.

2.1 HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN SERTA SUSUTNILAI

Hartanah, loji dan peralatan dinyatakan pada kos tolak susutnilai terkumpul dan kerugian pengurangan terjejas. Susutnilai hartanah, loji dan peralatan tetap dikira bagi tujuan pelupusan kos mengikut kaedah garis lurus berdasarkan usia penggunaannya.

Kadar tahunan susutnilai untuk hartanah, loji dan peralatan adalah seperti berikut:

	<u>Kadar</u>
Komputer	10%
Ubahsuai dan perabot	10%
Peralatan pejabat	20%

Susutnilai sesuatu aset bermula apabila ianya siap untuk tujuan penggunaannya.

Nilai sisa dan hayat berguna aset, jika penting, dikaji semula pada setiap tarikh lembaran imbalan.

Keuntungan atau kerugian yang timbul daripada pelupusan atau persaraan aset, ditentukan sebagai perbezaan antara hasil pelupusan bersih, jika ada, dan amaun dibawa item, diiktiraf dalam penyata pendapatan komprehensif.

**PERSATUAN WANITA BUMIPUTRA DALAM PERNIAGAAN DAN PROFESYEN
MALAYSIA (PENIAGAWATI)**

(Ditubuhkan di bawah Seksyen 7 Akta Pertubuhan 1966)

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021 (SAMBUNGAN)**

2. DASAR PENTING PERAKAUNAN (SAMBUNGAN)

2.2 INVENTORI

Inventori diukur pada nilai yang lebih rendah dan anggaran harga jualan ditolak kos untuk siapan dan jualan. Kos inventori terdiri daripada semua kos pembelian, kos penukaran dan kos lain yang ditanggung untuk membawa inventori ke lokasi dan keadaan semasa. Kos inventori diukur dengan menggunakan kaedah Masuk Dahulu Keluar Dahulu.

Pada setiap tarikh laporan, inventori dinilai untuk kemerosotan nilai. Sekiranya item inventori terjejas, jumlah dibawa dikurangkan kepada harga jualnya untuk ditolak dan dijual; kerugian kemerosotan diiktiraf dengan segera dalam keuntungan atau kerugian. Pada setiap tarikh pelaporan yang berikutnya, Persatuan membuat penilaian harga baru yang kurang kos untuk menyiapkan dan menjual. Sekiranya terdapat sebarang petunjuk bahawa kerugian kemerosotan diiktiraf dalam tempoh terdahulu tidak lagi wujud atau apabila terdapat bukti jelas tentang kenaikan harga jual ditolak kos untuk diselesaikan dan dijual disebabkan oleh keadaan ekonomi yang berubah, kerugian kemerosotan ditolak sehingga tahap jumlah bawaan baru adalah lebih rendah daripada kos dan harga jualan disemak ditolak kos untuk siapan dan jualan.

2.3 ASET KEWANGAN

Aset kewangan diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan apabila Persatuan menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen tersebut.

Pada pengiktirafan awal, aset kewangan diukur pada harga urus niaga, termasuk kos transaksi bagi aset kewangan yang tidak diukur pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian, melainkan susunan itu merupakan, pada dasarnya, suatu transaksi pembiayaan untuk pihak yang terlibat dalam susunan itu.

Selepas pengiktirafan awal, aset kewangan diklasifikasikan kepada salah satu daripada tiga kategori: aset kewangan yang diukur pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian, aset kewangan yang digunakan dalam instrumen hutang yang diukur pada kos terlunas dan aset kewangan yang merupakan instrumen ekuiti diukur pada kos tolak rosot nilai.

**PERSATUAN WANITA BUMIPUTRA DALAM PERNIAGAAN DAN PROFESYEN
MALAYSIA (PENIAGAWATI)**

(Ditubuhkan di bawah Seksyen 7 Akta Pertubuhan 1966)

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021 (SAMBUNGAN)**

2. DASAR PENTING PERAKAUNAN (SAMBUNGAN)

2.3 ASET KEWANGAN (SAMBUNGAN)

i) Aset Kewangan Pada Nilai Saksama Melalui Keuntungan Atau Kerugian

Aset kewangan diklasifikasikan pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian apabila aset kewangan berada dalam skop Seksyen 12 MPERS atau jika aset kewangan didagangkan secara awam atau nilai saksamanya boleh diukur dengan pasti tanpa kos atau usaha yang tidak wajar.

Perubahan nilai saksama diiktiraf dalam lebihan atau kekurangan.

Sekiranya nilai saksama yang boleh dipercayai tidak lagi tersedia untuk instrumen ekuiti yang tidak didagangkan secara umum tetapi diukur pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian, nilai saksama pada tarikh akhir instrumen yang boleh diukur dengan pasti adalah dianggap sebagai kos instrumen, dan diukur pada jumlah kos ini tolak rosotnilai sehingga nilai saksama yang boleh dipercayai boleh didapati.

ii) Aset Kewangan Itu Instrumen Hutang Diukur Pada Kos Dilunaskan

Selepas pengiktirafan awal, instrumen hutang diukur pada kos dilunaskan menggunakan kaedah faedah berkesan. Instrumen hutang yang diklasifikasikan sebagai aset semasa diukur pada amaun tidak didiskaun tunai atau pertimbangan lain yang dijangka diterima.

Kaedah faedah berkesan adalah kaedah pengiraan kos pelunasan aset kewangan dan memperuntukkan pendapatan faedah sepanjang tempoh yang berkaitan. Kadar faedah efektif adalah kadar yang tepat untuk menganggarkan resit tunai masa depan melalui jangkaan hayat aset kewangan atau, jika sesuai, tempoh yang lebih pendek, kepada amaun dibawa aset kewangan.

iii) Aset Kewangan Itu Instrumen Ekuiti Diukur Pada Kos Ditolak Rosotnilai

Instrumen ekuiti yang tidak didagangkan secara umum dan yang nilai saksama tidak boleh diukur secara lain dengan pasti tanpa kos atau usaha yang tidak wajar, dan kontrak yang dikaitkan dengan instrumen tersebut yang, jika dilaksanakan, akan menghasilkan penyerahan instrumen tersebut, diukur pada kos tolak rosotnilai.

**PERSATUAN WANITA BUMIPUTRA DALAM PERNIAGAAN DAN PROFESYEN
MALAYSIA (PENIAGAWATI)**

(Ditubuhkan di bawah Seksyen 7 Akta Pertubuhan 1966)

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021 (SAMBUNGAN)**

2. DASAR PENTING PERAKAUNAN (SAMBUNGAN)

2.3 ASET KEWANGAN (SAMBUNGAN)

iv) Kemerosotan Aset Kewangan

Pada akhir setiap tempoh pelaporan, Persatuan menilai sama ada terdapat sebarang bukti objektif bahawa aset kewangan yang diukur pada kos atau kos pelunasan adalah terjejas.

Bukti objektif boleh termasuk:

- kesulitan kewangan yang ketara penerbit; atau
- pelanggaran kontrak; atau
- pemberi pinjaman yang memberi kepada peminjam suatu konsesi yang tidak dipertimbangkan oleh pemberi pinjaman; atau
- ia menjadi kemungkinan bahawa peminjam akan memasuki bankrap atau penyusunan semula kewangan lain; atau
- data yang boleh dilihat menunjukkan bahawa terdapat penurunan yang dapat diukur dalam anggaran aliran tunai masa depan dari aset kewangan sejak pengiktirafan awal aset tersebut.

Bagi kategori aset kewangan tertentu, seperti penghutang perdagangan, jika ditentukan bahawa tiada bukti objektif kemerosotan wujud bagi aset kewangan yang dinilai secara individu, sama ada penting atau tidak, aset dimasukkan ke dalam kumpulan yang mempunyai ciri-ciri risiko kredit yang serupa dan secara kolektif dinilai untuk kerosakan.

Kerugian kemerosotan nilai, yang berkaitan dengan aset kewangan yang diukur pada kos pelunasan, diukur sebagai perbezaan di antara amaun dibawa aset dan nilai semasa anggaran aliran tunai yang didiskaunkan pada kadar faedah efektif asal aset.

Sekiranya terdapat bukti objektif bahawa kerugian kemerosotan nilai telah ditanggung pada aset kewangan yang diukur pada kos tolak rosot nilai, jumlah kerugian rosotnilai diukur sebagai perbezaan antara nilai dibawa aset dan anggaran terbaik jumlah yang akan diterima oleh Persatuan untuk aset tersebut jika ia akan dijual pada tarikh pelaporan.

**PERSATUAN WANITA BUMIPUTRA DALAM PERNIAGAAN DAN PROFESYEN
MALAYSIA (PENIAGAWATI)**

(Ditubuhkan di bawah Seksyen 7 Akta Pertubuhan 1966)

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021 (SAMBUNGAN)**

2. DASAR PENTING PERAKAUNAN (SAMBUNGAN)

2.3 ASET KEWANGAN (SAMBUNGAN)

iv) Kemerosotan Aset Kewangan(Sambungan)

Jumlah bawaan aset kewangan dikurangkan secara langsung, kecuali jumlah bawaan penghutang perdagangan yang dikurangkan melalui penggunaan akaun peruntukan. Sebarang kerugian penjejasan nilai diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian dengan segera. Sekiranya, dalam tempoh yang berikutnya, amaun kerugian penurunan nilai berkurangan, kerugian rosotnilai yang diiktiraf sebelum ini dibalik terus, kecuali amaun yang berkaitan dengan penghutang perdagangan yang dibalikkan untuk menulis kembali amaun yang diperuntukkan sebelum ini dalam akaun peruntukan. Pembalikan tersebut diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian dengan segera.

v) Penyahiktirafan Aset Kewangan

Aset kewangan tidak diiktiraf apabila hak kontrak ke aliran tunai dari aset kewangan tamat, atau diselesaikan, atau pemindahan Persatuan kepada pihak lain dengan ketara semua risiko dan ganjaran pemilikan aset kewangan.

Pada penyahiktirafan aset kewangan secara keseluruhannya, perbezaan di antara nilai bawaan dan jumlah balasan yang diterima dan apa-apa keuntungan atau kerugian kumulatif diiktiraf dalam lebihan atau kurangan dalam tempoh pemindahan.

2.4 TUNAI DAN KESERATAAN TUNAI

Tunai dan kesetaraan tunai merangkumi wang tunai di dalam tangan dan di bank, simpanan tetap dengan bank berlesen, pelaburan-pelaburan mudahniaga dan overdraf.

2.5 LIABILITI KEWANGAN

Liabiliti kewangan diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan apabila Persatuan menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen tersebut.

Pada pengiktirafan awal, liabiliti kewangan diukur pada harga transaksi, termasuk kos transaksi bagi liabiliti kewangan yang tidak diukur pada nilai saksama melalui untung atau rugi, melainkan pengaturan itu merupakan, pada dasarnya, suatu transaksi pembiayaan untuk Persatuan untuk susunannya.

**PERSATUAN WANITA BUMIPUTRA DALAM PERNIAGAAN DAN PROFESYEN
MALAYSIA (PENIAGAWATI)**

(Ditubuhkan di bawah Seksyen 7 Akta Pertubuhan 1966)

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021 (SAMBUNGAN)**

2. DASAR PENTING PERAKAUNAN (SAMBUNGAN)

2.5 LIABILITI KEWANGAN (SAMBUNGAN)

Selepas pengiktirafan awal, liabiliti kewangan diklasifikasikan kepada salah satu daripada tiga kategori: liabiliti kewangan yang diukur pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian, liabiliti kewangan yang diukur pada kos yang dilunaskan atau komitmen pinjaman yang diukur pada kos tolak rosot nilai.

i) Liabiliti Kewangan Diukur Pada Nilai Saksama Menerusi Lebihan Atau Kurangan

Liabiliti kewangan diklasifikasikan pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian apabila liabiliti kewangan berada di dalam skop Seksyen 12 MPERS atau jika liabiliti kewangan didagangkan secara awam atau nilai saksama mereka boleh diukur dengan pasti tanpa kos atau usaha tidak wajar.

Sekiranya nilai saksama yang boleh dipercayai tidak lagi tersedia untuk instrumen ekuiti yang tidak didagangkan secara umum tetapi diukur pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian, nilai saksama pada tarikh akhir instrumen yang boleh diukur dengan pasti adalah dianggap sebagai kos instrumen, dan diukur pada jumlah kos ini tolak rosot nilai sehingga nilai saksama yang boleh dipercayai boleh didapati.

ii) Liabiliti Kewangan Diukur Pada Kos Dilunaskan

Selepas pengiktirafan awal, liabiliti kewangan selain liabiliti kewangan pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian diukur pada kos terlunas menggunakan kaedah faedah efektif. Keuntungan atau kerugian diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian apabila liabiliti kewangan tidak diiktiraf atau terjejas.

Kaedah faedah berkesan adalah kaedah pengiraan kos pelunasan liabiliti kewangan dan memperuntukkan perbelanjaan faedah sepanjang tempoh yang berkaitan. Kadar faedah efektif adalah kadar yang tepat untuk menganggarkan anggaran pembayaran tunai masa depan melalui jangkaan hayat liabiliti kewangan atau, jika sesuai, tempoh yang lebih pendek, kepada amaun dibawa liabiliti kewangan.

iii) Komitmen Pinjaman Diukur Pada Kos Ditolak Rosotnilai

Komitmen untuk menerima pinjaman yang memenuhi syarat-syarat Seksyen 11 MPERS diukur pada kos tolak rosot nilai.

**PERSATUAN WANITA BUMIPUTRA DALAM PERNIAGAAN DAN PROFESYEN
MALAYSIA (PENIAGAWATI)**
(Ditubuhkan di bawah Seksyen 7 Akta Pertubuhan 1966)

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021 (SAMBUNGAN)**

2. DASAR PENTING PERAKAUNAN (SAMBUNGAN)

2.5 LIABILITI KEWANGAN (SAMBUNGAN)

iv) Penyahiktirafan Liabiliti Kewangan

Liabiliti kewangan tidak diiktiraf apabila obligasi yang dinyatakan dalam kontrak dilepaskan, dibatalkan atau tamat hayat.

Apa-apa perbezaan di antara amaun dibawa liabiliti kewangan yang dinyahiktiraf dan balasan yang dibayar diiktiraf dalam lebihan atau kurangan.

3. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

	Pada 01.01.2021 RM	Tambahan RM	Pelupusan RM	Pada 31.12.2021 RM
<u>Kos</u>				
Komputer	4,708	-	-	4,708
Peralatan pejabat	2,086	-	-	2,086
Ubahsuai dan perabot	37,267	-	-	37,267
	44,061	-	-	44,061

	Pada 01.01.2021 RM	Caj tahun semasa RM	Pelupusan RM	Pada 31.12.2021 RM
<u>Susutnilai Terkumpul</u>				
Komputer	3,886	471	-	4,357
Peralatan pejabat	1,068	417	-	1,485
Ubahsuai dan perabot	37,266	-	-	37,266
	42,220	888	-	43,108

	2021 RM	2020 RM
<u>Nilai Bawaan</u>		
Komputer	351	822
Peralatan pejabat	601	1,018
Ubahsuai dan perabot	1	1
	953	1,841

**PERSATUAN WANITA BUMIPUTRA DALAM PERNIAGAAN DAN PROFESYEN
MALAYSIA (PENIAGAWATI)**

(Ditubuhkan di bawah Seksyen 7 Akta Pertubuhan 1966)

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021 (SAMBUNGAN)**

4. INVENTORI

Inventori pada harga kos:

	2021 RM	2020 RM
Pakaian seragam	4,840	5,020
Buku nota	4,155	4,476
Beg	862	1,162
	<u>9,857</u>	<u>10,658</u>

5. LAIN-LAIN PENGHUTANG, DEPOSIT DAN PRABAYAR

	2021 RM	2020 RM
Pendapatan yang belum diterima	40,788	40,788
Deposit	6,996	6,996
	<u>47,784</u>	<u>47,784</u>
Tolak: Hutang lapuk	(16,338)	-
	<u>31,446</u>	<u>47,784</u>

Pendapatan yang belum diterima adalah terdiri daripada pendapatan kepada Peniagawati pada tahun 2017 yang masih belum dapat dibayar.

6. SIMPANAN TETAP

	2021 RM	2020 RM
Simpanan tetap dalam bank berlesen :		
Affin Bank Berhad (Tabung Anak Angkat Peniagawati)	50,000	50,000
Affin Bank Berhad (Tabung Anak Angkat Peniagawati)	40,404	39,670
CIMB Bank Berhad	-	32,298
	<u>90,404</u>	<u>121,968</u>

- i) Simpanan tetap dalam bank berlesen diperbaharui setiap enam dan dua belas bulan masing-masing pada kadar faedah 1.80% dan 1.85% (2020: 1.80% dan 1.85%).

**PERSATUAN WANITA BUMIPUTRA DALAM PERNIAGAAN DAN PROFESYEN
MALAYSIA (PENIAGAWATI)**

(Ditubuhkan di bawah Seksyen 7 Akta Pertubuhan 1966)

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021 (SAMBUNGAN)**

7. TUNAI DI TANGAN DAN DI BANK

	2021 RM	2020 RM
Tunai di bank:		
- Peniagawati (CIMB)	26,679	20,528
- Peniagawati (Affin Islamic Bank Berhad)	1,770	1,800
- Tabung Anak Angkat Peniagawati (Affin Islamic Bank Berhad)	883	40
Tunai di tangan	29	368
	<u>29,361</u>	<u>22,736</u>

8. BAKI AWAL TAHUN

	2021 RM	2020 RM
Baki pada 1 Januari seperti yang dilaporkan	112,277	161,930
Tolak : Pelarasan ke Tabung Anak Angkat Peniagawati (Nota 9)	-	-
Baki awal 1 Januari setelah pelarasan	<u>112,277</u>	<u>161,930</u>

9. TABUNG ANAK ANGKAT PENIAGAWATI

	2021 RM	2020 RM
Baki pada 1 Januari	89,710	87,893
Tambah : Pelarasan dari baki awal (Nota 8)	-	-
Tambah : Hibah tahun semasa	912	1,579
Tambah : Hibah terakru	734	210
Tambah : Tambahan dana	-	50
	<u>91,356</u>	<u>89,732</u>
Tolak : Caj bank	(70)	(22)
	<u>91,286</u>	<u>89,710</u>

**PERSATUAN WANITA BUMIPUTRA DALAM PERNIAGAAN DAN PROFESYEN
MALAYSIA (PENIAGAWATI)**

(Ditubuhkan di bawah Seksyen 7 Akta Pertubuhan 1966)

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021 (SAMBUNGAN)**

10. LAIN-LAIN PEMIUTANG DAN AKRUAN

	2021 RM	2020 RM
Akruan	5,400	3,000
Pelbagai pemiutang	500	-
	<u>5,900</u>	<u>3,000</u>

11. PENDAPATAN

	2021 RM	2020 RM
Jualan pakaian seragam	1,004	1,763
Yuran keahlian	24,595	13,975
Seminar keusahawanan	4,500	2,920
Sumbangan	3,700	10,000
Pendapatan yang diberikan kepada akaun bank Tabung Anak Angkat Peniagawati	-	(50)
	<u>33,799</u>	<u>28,608</u>

12. LAIN-LAIN PENERIMAAN

	2021 RM	2020 RM
Dividen	412	16
Hibah	-	1,098
Insentif PERKESO	-	5,400
Lain-lain pendapatan	-	597
	<u>412</u>	<u>7,111</u>

13. ANGKA PERBANDINGAN

Angka perbandingan tertentu yang diaudit telah diklasifikasikan semula untuk menyesuaikan dengan pembentangan tahun semasa.

No. Pendaftaran : PPM-020-14-24031980

**PERSATUAN WANITA BUMIPUTRA DALAM PERNIAGAAN DAN PROFESYEN
MALAYSIA (PENIAGAWATI)**

(Ditubuhkan di bawah Seksyen 7 Akta Pertubuhan 1966)

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021 (SAMBUNGAN)**

14. PERKARA-PERKARA LUAR BIASA SELEPAS TAHUN KEWANGAN

Pandemik Koronavirus (COVID-19)

Penyebaran wabak Koronavirus (COVID-19) pada awal tahun 2020 telah mempengaruhi aktiviti perniagaan dan ekonomi di Malaysia dan seluruh dunia.

Persatuan akan sentiasa memantau perkembangan situasi COVID-19 dengan teliti, menilai dan bertindak balas secara aktif terhadap kesannya terhadap kedudukan kewangan dan hasil operasi Persatuan.

15. KEBENARAN UNTUK TERBITAN PENYATA KEWANGAN

Penyata kewangan Persatuan telah diluluskan untuk diterbitkan oleh Ahli Jawatankuasa Induk pada 01 November 2022.

LAMPIRAN 1

**PERSATUAN WANITA BUMIPUTRA DALAM PERNIAGAAN DAN PROFESYEN
MALAYSIA (PENIAGAWATI)**

(Ditubuhkan di bawah Seksyen 7 Akta Pertubuhan 1966)

**PENYATA TERPERINCI PENDAPATAN KOMPREHENSIF
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021**

	2021 RM	2020 RM
PENDAPATAN		
Jualan pakaian seragam	1,004	1,763
Yuran keahlian	24,595	13,975
Seminar keusahawanan	4,500	2,920
Sumbangan	3,700	10,000
Pendapatan yang diberikan kepada akaun bank		
Tabung Anak Angkat Peniagawati	-	(50)
	<u>33,799</u>	<u>28,608</u>
TOLAK : KOS JUALAN		
Stok awal	(10,658)	(3,625)
Majlis dan aturcara	(5,115)	(15,076)
Kos pembelian stok	-	(10,400)
Stok akhir	<u>9,857</u>	<u>10,658</u>
	<u>(5,916)</u>	<u>(18,443)</u>
UNTUNG KASAR	27,883	10,165
TAMBAH: LAIN-LAIN PENERIMAAN		
Dividen	412	1,098
Hibah	-	16
Insentif PERKESO	-	5,400
Lain-lain pendapatan	-	597
	<u>412</u>	<u>7,111</u>
TOLAK : PERBELANJAAN OPERASI	Lamp. 2 <u>(75,737)</u>	<u>(66,929)</u>
KERUGIAN BERSIH TAHUN SEMASA	<u>(47,442)</u>	<u>(49,653)</u>

LAMPIRAN 2

**PERSATUAN WANITA BUMIPUTRA DALAM PERNIAGAAN DAN PROFESYEN
MALAYSIA (PENIAGAWATI)**

(Ditubuhkan di bawah Seksyen 7 Akta Pertubuhan 1966)

**PERBELANJAAN OPERASI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021**

	2021 RM	2020 RM
KOS PEKERJA		
Caruman KWSP dan PERKESO	3,604	3,888
Gaji dan elaun	23,402	23,850
Kerja lebih masa	203	430
	<u>27,209</u>	<u>28,168</u>
KOS PENTADBIRAN		
Caj bank	153	108
Hutang lapuk dihapuskira	16,338	-
Internet	2,313	4,450
Makanan dan hiburan	374	261
Penyelenggaraan pejabat	160	1,278
Perbelanjaan laman web	500	499
Perbelanjaan pengangkutan dan perjalanan	348	1,283
Perbelanjaan pos	349	869
Percetakan dan alat tulis	803	673
Rugi atas pelupusan aset	-	4
Servis dan pembersihan	-	300
Sewa pejabat	15,600	15,900
Sewa mesin fotostat	4,665	4,787
Sewa mesin coway	450	1,075
Susutnilai hartanah, loji dan peralatan	888	888
Telefon dan faks	583	774
Utiliti	786	921
Yuran juruaudit	2,000	1,500
Yuran akauntan	2,000	1,500
Yuran langganan	218	691
Yuran lesen dan pendaftaran	-	1,000
	<u>48,528</u>	<u>38,761</u>
JUMLAH PERBELANJAAN OPERASI	<u><u>75,737</u></u>	<u><u>66,929</u></u>